

12 JUL 1996

PRESIDEN PERHIMPUNAN KEBANGSAAN KEMBOJA KUNJUNGI AGONG DAN PM

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Presiden Perhimpunan Kebangsaan Kemboja, Chea Sim yang sedang melawat negara ini hari ini mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara di sini.

Sebelum itu beliau mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi tiga orang Chea Sim termasuk Pengerusi Suruhanjaya Hal Ehwal Dalam Negeri, Pertahanan Negara, Siasatan dan Pencegahan Rasuah, Bou Thang dan Pengerusi Suruhanjaya Kerja Raya, Pengangkutan, Komunikasi, Industri, Tenaga, Perlombongan dan Perdagangan, Ahmad Yahya.

Mereka diiringi oleh Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamed Zahir Ismail ke pejabat Dr Mahathir.

Chea Sim tiba di sini Rabu lepas bagi lawatan tiga hari sebagai membalas lawatan Mohamed Zahir ke Kemboja pada 1994.

Di samping bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa bersama Mohamed Zahir, Chea Sim juga telah menemui Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan melawat Sekretariat Barisan Nasional (BN) dan Menara Kuala Lumpur semasa lawatannya ke sini. -- BERNAMA

ES WE NMO